

Pengaruh Dorongan Sosial terhadap Efikasi Swadiri Komputer dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Ahmad Fauzi Mohd Ayub^{1, 2*} & Wan Marzuki Wan Jaafar³

¹ Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

² Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

³ Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pengaruh dorongan sosial terhadap efikasi swadiri komputer dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di negeri Kelantan. Seramai 413 orang pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Information Communication Technology and Literacy (ICTL) telah dipilih secara rawak. Secara keseluruhan, nilai min bagi dorongan sosial terhadap penggunaan komputer adalah 3.90 (SP = 0.36) manakala nilai min efikasi swadiri komputer adalah 3.93 (SP = 0.34). Analisis korelasi Pearson telah mengenal pasti terdapat hubungan signifikan antara dorongan keluarga ($r = .28$), dorongan guru dan sekolah ($r = .25$) dan dorongan rakan sebaya ($r = .26$) dengan efikasi swadiri komputer. Analisis regresi linear menunjukkan bahawa ketiga-tiga dorongan ini mempengaruhi efikasi swadiri komputer pelajar di mana dorongan keluarga merupakan faktor paling mempengaruhi di ikuti dorongan rakan dan dorongan guru dan sekolah. Kajian telah membuktikan bahawa faktor dorongan sosial amat penting bagi menjana efikasi swadiri komputer pelajar yang baik.

Kata Kunci: Efikasi Swadiri komputer, dorongan sosial, dorongan keluarga, dorongan rakan sebaya, dorongan guru dan sekolah

Abstract

This study discusses the influence of social encouragement towards computer self-efficacy among secondary school students in the state of Kelantan. A total of 413 form 4 students taking Information Communication Technology and Literacy (ICTL) subject were randomly chosen. Overall, mean value for social encouragement towards the use of computer is 3.90 (SP = 0.36) while mean value for computer self efficacy is 3.93 (SP = 0.34). Pearson correlation analysis had identified there is significant relationship between family encouragement ($r = .28$), teachers and school encouragement ($r = .25$) and peer encouragement ($r = .26$) with computer self-efficacy. Linear regression analysis showed that all three of these encouragement influences students computer self-efficacy where by family encouragement is the most influential factor followed by peers encouragement and teachers and school encouragement. This study has shown that social encouragement factors are very important to generate good students computer self-efficacy.

Keywords: Computer self-efficacy, social influences, family encouragement, peers encouragement, school and teachers encouragement.

* Corresponding author: afmy@upm.edu.my

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Penggunaan komputer dalam pendidikan adalah satu kemestian berdasarkan kepada perkembangan teknologi terkini (Ozdemir & Erdem, 2016). Malahan pengaruh Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam sistem pendidikan negara kini semakin penting selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang literasi maklumat. Ini seperti mana yang ditekankan oleh Tinio (2002) akan kepentingan TMK sebagai alat perkongsian maklumat dan berpotensi untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan sama ada digunakan secara formal atau tidak formal. Bagi tujuan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) telah mengeluarkan buku Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 yang merangkumkan 14 inisiatif atau teras strategik untuk mencapai visi dan misi KPM. Pelan Strategik Interim turut mengambil perhatian terhadap isu TMK sebagai salah satu isu penting yang diketengahkan oleh pihak KPM. Antara inisiatif yang terkandung dalam Pelan Strategik adalah mengukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan TMK agar dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Selain itu, pelajar sekolah juga diberi pendedahan terhadap komputer melalui mata pelajaran TMK di peringkat sekolah rendah dan Menengah. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan efikasi swadiri komputer dalam kalangan pelajar sekolah.

Secara amnya, efikasi swadiri merujuk kepada pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya atau kemahiran dalam melaksanakan tindakan yang perlu untuk mencapai sesuatu yang telah ditetapkan (Bandura, 1977). Ini bermaksud kepercayaan atau keyakinan individu dalam melaksanakan tingkah lakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan berjaya. Dalam erti kata lain, individu yang mempunyai efikasi swadiri yang tinggi lebih berkeyakinan untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Bersandarkan ini, Compeau dan Higgins (1995) mentakrifkan efikasi swadiri komputer sebagai keupayaan seseorang dalam kompetensi, kemahiran mahupun pengetahuan asas tentang komputer. Selain itu, efikasi swadiri komputer juga merujuk persepsi dan keupayaan seseorang individu mengenai pengetahuan khusus dan kemahiran komputer yang dimilikinya (Murphy, Coover & Owen, 1989). Dalam erti kata lain, individu yang menggunakan komputer akan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap efikasi swadiri komputer mereka (Ozdemir, & Erdem, 2016)

Seterusnya, Bandura (1986) mengemukakan Teori Kognitif Sosial yang menyatakan bahawa faktor sosial dan kognitif serta faktor individu memainkan peranan penting dalam pembelajaran. Faktor kognitif berupa jangkaan atau penerimaan pelajar untuk meraih kejayaan, manakala faktor sosial merangkumi pemerhatian pelajar terhadap perilaku ibu bapa dan orang sekeliling mereka.

Kajian ini akan memberi fokus kepada pengaruh dorongan sosial terhadap efikasi swadiri komputer dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Menurut Bandura dan Wood (1989), dorongan social berkaitan dengan galakan daripada masyarakat. Dorongan sosial mempunyai pengaruh sangat kuat memandangkan pendapat masyarakat boleh mempengaruhi keyakinan seseorang. Jika individu menerima galakan yang realistik, mereka berkemungkinan berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai kejayaan. Galakan positif berupaya meningkatkan efikasi diri individu dan begitu juga sebaliknya. Secara tidak langsung ini memberi gambaran bahawa pelajar sekolah yang didorong secara positif oleh guru, ibu bapa dan rakan lain untuk menggunakan komputer dapat meningkatkan efikasi swadiri komputer mereka.

Kajian berkaitan TMK penting bagi mempertingkatkan kesedaran dan literasi maklumat komputer (Mazmalek, 2008). Selain itu, kajian berkaitan TMK bertepatan untuk melahirkan generasi masa hadapan yang celik TMK. Selain itu, TMK juga berpotensi sebagai salah satu medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Proses ini tidak sepatutnya terhad didalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah. Ini seperti mana kajian Calvert, Rideout, Woolard, Barr dan Strouse (2005) yang menunjukkan proses pembelajaran bukan sahaja berlaku di sekolah, malah turut berlaku di rumah dan dalam masyarakat itu sendiri. Dalam satu laporan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) yang menyatakan bahawa satu per empat daripada masa pelajar dihabiskan di sekolah. Ini memberi gambaran bahawa selain guru, para ibu bapa dan masyarakat berperanan bagi membantu pembelajaran pelajar. Dalam konteks kajian, bagi meningkatkan efikasi swadiri komputer, pelajar bukan sahaja perlu dorongan daripada guru sekolah tetapi juga ibu bapa dan masyarakat sekeliling.

Gonzalez-DeHass, Willes, dan Holbein (2005) menekankan apabila keluarga memberi perhatian terhadap kerja sekolah dan aktiviti kurikulum anak mereka dengan cara memberi galakan, penghargaan dan memberi nilai positif, efikasi swadiri menjadi positif dan motivasi dalam pembelajaran di sekolah juga turut meningkat. Hal ini juga turut dipersetujui oleh Thatcher, Loughry, Lim dan McKnight (2007) yang menyatakan bahawa keluarga amat penting untuk mempengaruhi kepercayaan dan efikasi swadiri anak terutamanya ketika menghadapi arus zaman teknologi baru. Selain itu, keluarga mungkin boleh memberikan dorongan dalam bentuk arahan dan galakan dalam bentuk penyediaan dan penggunaan komputer dan berkongsi pengetahuan dan kemahiran berkaitan komputer (Bimber, 2000).

Kajian berkaitan hubungan faktor dorongan dengan efikasi swadiri komputer telah dijalankan oleh beberapa pengkaji. Antaranya, kajian oleh Deechuay, Koul, Maneewan, dan Lerdpornkulrat (2016), menunjukkan bahawa dorongan keluarga dan rakan sebaya mempunyai hubungan positif dengan efikasi swadiri komputer. Begitu juga kajian oleh Johnson, Hornik dan Salas (2008) ke atas 371 orang pelajar di Amerika Syarikat menunjukkan min dorongan sosial terhadap penggunaan komputer yang tinggi. Ini penting bagi memudahkan pelajar mengimplementasikan penggunaan teknologi. Dalam pada itu, kajian oleh Meelissen dan Drent (2008) juga mendapati galakan ibu bapa mempunyai kesan ke atas penggunaan komputer. Mereka juga berpendapat bahawa ibu bapa merupakan sumber inspirasi bagi anak terutama dalam pembelajaran. Faktor seperti penyediaan komputer di rumah penting. Malahan, sikap keluarga terhadap TMK mempengaruhi efikasi swadiri komputer pelajar (Aesaert & Van Braak, 2014). Vekiri dan Chronaki (2008) juga telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti antara hubungan dorongan sosial dengan efikasi swadiri komputer pelajar. Dapatan kajian mendapati bagi pelajar perempuan, terdapat hubungan antara dorongan keluarga dengan efikasi swadiri komputer. Sementara itu, bagi pelajar lelaki, terdapat hubungan positif di antara dorongan keluarga dan rakan-rakan dengan efikasi swadiri komputer. Chu (2010) pula dalam kajiannya menunjukkan penglibatan ibu bapa sangat penting dalam membantu anak-anak membentuk proses pembelajaran mereka terutamanya pembelajaran yang melibatkan kemahiran seperti komputer. Kajian oleh Hsiao, Tu, & Chung (2012) ke atas 525 orang pelajar sekolah di Taiwan mendapati dorongan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam meramal efikasi swadiri komputer pelajar tahap lanjutan.

Kajian lepas menunjukkan faktor dorongan sosial jelas mempengaruhi efikasi swadiri komputer pelajar. Namun begitu, kajian oleh John (2013) menunjukkan sebaliknya iaitu faktor dorongan sosial tidak memainkan peranan utama dalam meningkatkan efikasi swadiri komputer pelajar. Penglibatan para guru di sekolah dilihat memainkan peranan penting bagi meningkatkan efikasi swadiri komputer pelajar. Selain itu pengaruh rakan sebaya juga dilihat sebagai salah satu elemen kepada efikasi swadiri komputer pelajar. Akhir sekali, peranan ibu bapa terutamanya menyediakan komputer di rumah untuk kegunaan anak juga penting bagi memastikan anak mereka tidak ketinggalan dengan arus teknologi. Perkembangan teknologi yang semakin pantas menjadikan pelbagai pembaharuan diadakan dari semasa ke semasa. Justeru, efikasi swadiri komputer pelajar perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar mereka tidak terus ketinggalan. Begitu juga kajian seumpama ini juga perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti status pelajar sekolah dalam efikasi swadiri komputer mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti

- i. tahap dorongan sosial terhadap penggunaan komputer bagi pelajar tingkatan 4 sekolah menengah harian di negeri Kelantan.
- ii. tahap efikasi swadiri komputer pelajar tingkatan 4 sekolah menengah harian di negeri Kelantan.
- iii. hubungan antara efikasi swadiri komputer dengan dorongan sosial terhadap penggunaan komputer dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di negeri Kelantan.
- iv. faktor yang mempengaruhi dorongan sosial terhadap efikasi swadiri komputer dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di negeri Kelantan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan ini dijalankan ke atas populasi pelajar tingkatan 4 sekolah menengah harian yang mengambil mata pelajaran *Information Communication Technology and Literacy* (ICTL) di 11 buah daerah di negeri Kelantan. Melalui kaedah pensampelan berstrata nisbah, seramai 413 orang responden telah dipilih secara rawak berdasarkan kepada pusat pendidikan daerah.

Bagi tujuan kajian, pengkaji telah mengadaptasi instrumen *Computer Self Efficacy* oleh Murphy et al. (1989). Instrumen ini terdiri daripada 26 item yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu efikasi swadiri permulaan (13 item) dan efikasi swadiri lanjutan (13 item). Efikasi swadiri komputer pelajar diukur berdasarkan kepada dua tahap. Sementara itu, faktor dorongan sosial terhadap penggunaan komputer pelajar pula telah dibangunkan oleh penyelidik sendiri yang terdiri daripada tiga faktor iaitu faktor keluarga (7 item), rakan sebaya (7 item) dan juga pihak guru (7 item). Soal selidik ini telah diedarkan di setiap sekolah yang terlibat serta dikendalikan sendiri oleh pengkaji. Dalam pada itu, satu kajian rintisan terlebih dahulu dijalankan di tiga buah sekolah menengah di tiga buah daerah berlainan. Nilai kebolehpercayaan bagi dorongan sosial adalah 0.750 manakala bagi efikasi swadiri komputer adalah 0.840.

DAPATAN KAJIAN

Data demografi dianalisis terlebih dahulu. Terdapat enam soalan di dalam seksyen demografi yang memfokuskan latar belakang responden. Purata pendapatan keluarga, bilangan masa menggunakan komputer dan pemilikan komputer turut di sertakan dalam seksyen demografi.

Analisis Demografi

Jadual 1.0 menunjukkan daripada 413 orang responden terlibat dalam kajian, 178 orang merupakan responden lelaki (43.1%) dan 235 orang responden perempuan (56.9%). Majoriti responden (83.5%) memiliki komputer di rumah dengan 68.5% responden mempunyai kemudahan capaian internet di rumah. Dari segi penggunaan komputer pula, 66.6 % menggunakan komputer antara 0 hingga 3 jam diikuti 29.1% menggunakannya antara 4 hingga 7 jam. Secara purata, penggunaan komputer dalam kalangan responden adalah selama tiga jam sehari.

JADUAL 1:
Demografi

Faktor Demografi		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	178	43.1
	Perempuan	235	56.9
Jumlah		413	100
Pemilikan komputer di rumah	Ya	345	83.5
	Tidak	68	16.5
Penggunaan Internet di rumah	Ya	283	68.5
	Tidak	130	31.5
Lama guna komputer (sehari)	0 – 3 jam/hari	275	66.6
	4 – 7 jam/hari	120	29.1
	Lebih 8 jam/hari	18	4.4
Min Keseluruhan penggunaan Komputer	3.17 jam/hari (SP = 1.81)		

Dorongan Sosial terhadap Penggunaan Komputer

Dalam kajian ini, dorongan sosial merujuk kepada dorongan yang diterima oleh responden dari keluarga, rakan sebaya dan guru sekolah terhadap penggunaan komputer. Min dan sisihan piawai bagi setiap faktor adalah seperti di dalam Jadual 2.

JADUAL 2:
Min dan Sisihan Piawai Dorongan Sosial

	Min	SP
Dorongan keluarga	3.95	.551
Dorongan guru dan sekolah	4.09	.437
Dorongan rakan sebaya	3.66	.416
Min keseluruhan	3.90	0.36

Min keseluruhan bagi dorongan sosial terhadap penggunaan komputer adalah 3.90 dengan sisihan piawai ialah 0.36. Ini menunjukkan bahawa tahap dorongan sosial berada pada tahap sederhana. Dari segi pecahan mengikut konstruk pula, dorongan guru memainkan peranan paling penting (Min = 4.09; SP = .44) diikuti dengan dorongan keluarga (Min = 3.95; SP = 0.55) dan akhir sekali dorongan rakan sebaya (Min = 3.66; SP = 0.42). Dari aspek dorongan guru dan sekolah, responden menyatakan bahawa pihak sekolah telah membekalkan kemudahan komputer bagi kegunaan mereka selain daripada galakan para guru untuk pelajar menggunakan internet untuk mencari bahan. Responden juga menyatakan bahawa keluarga mereka menyediakan kemudahan komputer di rumah dan tidak dihalang untuk menggunakan komputer. Para ibu bapa juga merasakan bahawa penggunaan komputer akan mendatangkan manfaat terhadap masa depan mereka. Pengaruh rakan dilihat dari segi memberi tunjuk ajar kepada mereka bagi aplikasi komputer yang saya tidak pernah gunakan lagi selain daripada berbincang mengenai hal berkaitan komputer.

Efikasi Swadiri Komputer

Dalam kajian ini, efikasi swadiri komputer merujuk kepada sejauh manakah keyakinan pelajar dalam menggunakan perkakasan dan perisian komputer. Antara item yang mengukur efikasi swadiri komputer tahap permulaan adalah mengukur kemahiran asas komputer seperti memasuk dan menyimpan data iaitu angka dan perkataan ke dalam sebuah fail, menggerakkan anak panah penunjuk di skrin monitor, memilih fail untuk dipaparkan di skrin monitor, serta menggunakan komputer untuk tujuan menulis surat atau karangan. Efikasi

swadiri komputer tahap lanjutan pula merupakan dimensi yang mengukur tahap pengetahuan seperti istilah berkaitan dengan perisian dan perkakasan komputer, menulis bahasa pengaturcaraan yang mudah, dan menyelesaikan masalah berkaitan komputer. Min keseluruhan efikasi swadiri komputer adalah 3.93 (SP = 0.34). Sementara itu, min keseluruhan efikasi swadiri komputer tahap permulaan adalah 4.00 (SP= 0.38) dan efikasi swadiri komputer tahap lanjutan pula adalah 3.87 (SP = 0.37). Ini juga menunjukkan bahawa pelajar mempunyai efikasi swadiri komputer pada tahap permulaan lebih baik berbanding dengan tahap lanjutan. Namun begitu, secara keseluruhan efikasi swadiri komputer pelajar adalah baik.

Analisis Korelasi

Analisis korelasi Pearson diguna bagi menentukan hubungan setiap faktor dorongan sosial dengan efikasi swadiri komputer pelajar. Analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara dorongan keluarga ($r = .28$), dorongan guru ($r = .25$) dan dorongan rakan sebaya ($r = .26$) dengan efikasi swadiri komputer pelajar (rujuk Jadual 3).

JADUAL 3:
Korelasi antara Dorongan Sosial dengan Efikasi Swadiri Computer

	Efikasi swadiri komputer	Dorongan keluarga	Dorongan guru dan sekolah	Dorongan rakan sebaya
Efikasi swadiri komputer	1	.28**	.25**	.26**
Dorongan keluarga		1	.42**	.27**
Dorongan guru dan sekolah			1	.45**
Dorongan Rakan Sebaya				1

Signifikan pada tahap 0.01

Analisis Regresi

Analisis Regresi Linear Multiple Linear Regression dijalankan bagi menentukan faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi efikasi swadiri komputer para responden. Pelajar tingkatan 4 sekolah menengah harian di Negeri Kelantan.

JADUAL 4:
Rumusan Model

Model	Multiple R	R ²	Anjakan R ²	Std. Error of the Estimate
1	.345 ^a	.119	.113	.31704

- Peramal: (Constant) : Dorongan rakan sebaya, dorongan keluarga, dorongan guru dan sekolah
- Pemboleh ubah bersandar : efikasi swadiri komputer

Hasil analisis data menunjukkan bahawa dorongan keluarga ($\beta = .119$, $p < .05$), dorongan guru dan sekolah ($\beta = .084$, $p < .05$) dan juga dorongan rakan sebaya ($\beta = .129$, $p < .05$) merupakan faktor yang mempengaruhi kepada efikasi swadiri komputer pelajar. Secara keseluruhan, ketiga-tiga pemboleh ubah peramal itu menyumbang sebanyak 11.9 peratus ($r = 11.9$) perubahan varians dalam efikasi swadiri komputer [$F(3, 409) = 18.437$, $p < 0.000$] (Lihat Jadual 5).

JADUAL 5:
Jadual ANOVA

Model	Jumlah Kuasa Dua	Darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	5.560	3	1.853	18.437	.000 ^b
Rasidul	41.111	409	.101		
Jumlah	46.670	412			

Pemboleh ubah bersandar: Efikasi swadiri komputer

Peramal: (Constant), Dorongan rakan sebaya, dorongan keluarga, dorongan guru dan sekolah

Berdasarkan Jadual 5, faktor rakan dan keluarga merupakan nilai pekali piawai yang paling besar iaitu .195, diikuti pekali piawai bagi dorongan rakan sebaya .159 dan faktor pihak guru .106. Ini menunjukkan bahawa faktor dorongan keluarga paling mempengaruhi efikasi swadiri komputer berbanding dorongan rakan sebaya

dan dorongan guru dan sekolah. Walau bagaimanapun, ketiga-tiganya mempunyai hubungan yang signifikan terhadap efikasi swadiri komputer pelajar.

JADUAL 6:
Jadual Koefisien

Model	Pekali tidak piawai		Pekali piawai	T	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	2.689	.174		15.464	.000
Dorongan Keluarga	.119	.031	.195	3.782	.000
Dorongan guru dan sekolah	.084	.053	.106	1.920	.048
Dorongan rakan sebaya	.129	.042	.159	3.048	.002

Pemboleh ubah bersandar: Efikasi swadiri komputer

Peramal: (Constant), Dorongan rakan sebaya, dorongan keluarga, dorongan guru dan sekolah

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa efikasi swadiri komputer pelajar adalah baik. Hasil kajian juga turut memperlihatkan bahawa pengaruh faktor dorongan mempunyai hubungan yang signifikan kepada efikasi swadiri komputer pelajar. Justeru, ketiga-tiga faktor dorongan iaitu dorongan keluarga, guru dan rakan memberi sumbangan terhadap efikasi swadiri komputer dengan nilai sebanyak 12 peratus kepada model. Kajian ini menunjukkan dorongan keluarga paling mempengaruhi efikasi swadiri pelajar diikuti dengan rakan sebaya dan guru. Ini juga selaras dengan pernyataan Meelissen dan Drent (2008) yang mendapati galakan ibu bapa memberi kesan positif terhadap penggunaan internet. Dalam pada itu, Thatcher et. al (2007) menegaskan kepentingan peranan keluarga dalam zaman teknologi ini. Ini memandangkan minda anak akan berkembang sihat dan motivasi mereka akan meningkat melalui perhatian, galakan, penghargaan dan nilai positif (Gonzales-DeHass et al., 2005). Kajian ini juga menunjukkan bahawa para ibu bapa sedar akan kepentingan untuk pelajar ini mempunyai efikasi swadiri yang baik dalam komputer kerana ia merupakan suatu kemahiran berguna bagi menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, faktor penyediaan komputer di rumah juga mendorong pelajar untuk memahirkan diri dengan penggunaan komputer di rumah seperti mana ditegaskan oleh Bimber (2000). Ini memandangkan masa yang terhad untuk pelajar ini menggunakan komputer di sekolah. Selain itu, ia juga selari dengan pernyataan Calvert et. al (2005) yang menegaskan bahawa proses pembelajaran juga berlaku di rumah dan dalam kalangan masyarakat. Ini penting memandangkan kadar penggunaan komputer yang tinggi dapat mengurangkan kadar kegelisahan pelajar dalam menggunakan komputer seterusnya akan meningkatkan keyakinan dan minat mereka untuk menggunakan komputer (Bimber, 2000).

Kajian juga menunjukkan dorongan rakan sebaya turut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi efikasi swadiri. Ini memandangkan mereka ialah individu paling rapat yang secara amnya mempunyai lingkungan umur, ideologi dan minat mereka yang sama. Jadi pelajar sekolah seharusnya bijak dalam memilih rakan sebaya agar dapat membina jati diri yang kuat, seterusnya juga dapat mendorong rakan mereka ke arah hidup yang positif. Dengan perkembangan TMK yang bersifat global, remaja akan lebih mudah terdedah dengan perkembangan ilmu tanpa sempadan serta kepelbagaian budaya. Mereka boleh mengaplikasikan kemudahan teknologi bagi meluaskan carian ilmu dan kemahiran mereka agar dapat menjana ilmu, bukan semata-mata di sekolah sahaja, bahkan juga secara berdikari.

Selain daripada peranan guru dan pihak sekolah juga tidak boleh dinafikan. Penyediaan infrastruktur komputer juga merupakan salah satu bentuk dorongan kepada pelajar agar bersikap positif serta mendorong mereka untuk lebih gemar menggunakan komputer (Mitra & Steffensmeier, 2000). Dalam masa yang sama, Guru besar juga berperanan bagi memastikan bahawa prasarana TMK yang disediakan adalah lengkap di samping menjalankan tanggungjawab mendorong guru di sekolah bagi menghadiri kursus TMK bagi meningkatkan kemahiran untuk diimplementasikan sewaktu pengajaran dan pembelajaran (Lokman, Annuar, Al-Muzammil & Phoon, 2010).

Kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa faktor dorongan perlu dalam meningkatkan efikasi swadiri komputer pelajar sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa bagi meningkatkan efikasi swadiri komputer, selain daripada melakukan latihan, responden juga memerlukan dorongan untuk meningkatkan efikasi swadiri komputer pelajar. Kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan pendidikan teknologi terutamanya dari sudut penggunaan dan pengaplikasian teknologi dalam kalangan generasi muda amnya dan pelajar khususnya. Beberapa pihak terutamanya pihak ibu bapa dan guru dapat mengambil tindakan selanjutnya yang memberi impak tentang perkembangan pendidikan remaja di sekolah dan di rumah.

Hal ini penting bagi mengembangkan tahap pengetahuan dan kemahiran teknologi remaja supaya dapat melahirkan generasi yang canggih ilmu dan kemahiran pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Aesaert, K & Van Braak, J. (2014). Exploring factors related to primary school pupils' ICT self-efficacy. *Journal of Computers in Human Behavior*, 41(C), 327 – 341.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84, 191 – 215.
- Bimber, B. (2000). Measuring the gender gap on internet. *Social Science Quarterly*, 81(3), 868 – 876.
- Calvert, S. L., Rideout, V. J., Barr, R. F., & Strouse, G. A. (2005). Age, ethnicity, and socioeconomic patterns in early computer use: A national survey. *American Behavioural Scientist*, 48, 590 – 607.
- Chu, R. J. (2010). How family support and Internet self-efficacy influence the effects of e-learning among higher aged adults - Analyses of gender and age differences. *Computers & Education*, 55(1), 255 – 264.
- Compeau, D. R. & Higgins, C. A. (1995). Computer Self-Efficacy: Development of a Measure and Initial Test. *Management Information System Research Center*, 19(2), 189 – 211.
- Deechuay, N., Koul, R., Maneewan, S. & Lerdpornkulrat., T. (2016). *Educ Inf Technol*. 21(2016) 1699-1713
- Gonzalez-DeHass, A. R., Willems, P. P., & Holbein, M. F. D. (2005). Examining the relationship between parental involvement and student motivation. *Educational Psychology Review*, 17(2), 99 –123.
- Hsiao, H-C., Tu, Y -L & Hsin-Nan Chung, H - N (2012). Perceived social supports, computer self-efficacy, and computer use among high school students. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. 11(2), 167 – 177.
- John, S. P. (2013), Antecedents and effects of computer self-efficacy on social networking adoption among Asian online users. *International Journal of Information Technology*, 19(1), 1-13,
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lokman, M. T., Mohd Anuar, A. R, Mohd Al-Muzammil, Y. & Phoon, A. L. (2010). Penilaian guru sekolah rendah terhadap peranan guru besar sekolah sebagai pemimpin teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 169–188.
- Mazmalek, M. (2009, Julai). Merapatkan Jurang Digital Keciciran di Dalam Bandar. *Aspirasi Digital*, 19, 16.
- Mitra, A. & Steffensmeier, T. (2000) .Changes in student attitudes and student computer use in a computer enriched environment. *Journal of Research on Computing in Education*, 32 (3), 417-433.
- Murphy, C. A., Coover, D. & Owen, S. V. (1989). Development and Validation of the Computer Self-Efficacy Scale. *Educational and Psychological Measurement*, 49, 893 – 904.
- Ozdemir, O., & Erdem, D. (2016). The relationship between computer self-efficacy and social network usage aims of information technology teacher candidates. *Eurasian Journal of Educational Research*, 62, 15-32
- Thatcher, J. B. & Perrewew, P. L. (2002). An empirical examination of individual traits as antecedents to computer anxiety and computer self-efficacy. *MIS Quarterly*, 26(4), 381 – 396.
- Tinio, V.L (2002). ICT in Education. New York: United Nations Development Programme: Bureau for Development Policy.
- Vekiri, I., & Chronaki, A. (2008). Gender issues in technology use: Perceived social support, computer self-efficacy and value beliefs, and computer use beyond school. *Computers & Education*, 51(3), 1392-1404.